

Bab Kedua

BAB KEDUA

PEMBUBARAN PERKAHWINAN KERANA DARAR

2.1. Pendahuluan

Firman Allah s.w.t. :

الْأَطْلَقُ مَرْتَابَ فَإِنْتَ أَبْعَزُوهُ أَوْ تُشْرِحُ بِإِخْتِدَارٍ

Surah al-Baqarah (2): 229.

Ertinya: Talak (yang boleh dirujuk kembali itu hanya) dua kali. Sesudah itu bolehlah ia (rujuk dan) memegang terus (isterinya itu) dengan cara yang sepatutnya atau melepaskan (menceraikannya) dengan cara yang baik.

Firman Allah s.w.t. :

فَإِذَا بَلَغَنَ أَجْلَهُنَّ فَامْسِكُوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ أَوْ فَارْقُوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ

Surah al-Talāq (65): 2.

Ertinya: Kemudian, apabila mereka (hampir) habis tempoh 'iddahnya, maka bolehlah kamu pegang mereka (rujuk) dengan cara yang baik, atau lepaskan mereka dengan cara yang baik.

Firman Allah s.w.t. :

أَشْكِنُوهُنَّ مِنْ خِيْثٍ كَثْمٌ مِنْ وَجْهِكُمْ وَلَا تُظْلِمُوهُنَّ
لَا يُظْلِمُونَ عَلَيْهِنَّ

Surah al-Talāq (65): 6.

Ertinya: Tempatkanlah isteri-isteri (yang menjalani 'iddahnya) itu di tempat kediaman kamu sesuai dengan kemampuan kamu; dan janganlah kamu adakan sesuatu yang menyakiti mereka (di tempat tinggal itu) dengan tujuan hendak menyusahkan kedudukan mereka (supaya mereka keluar meninggalkan tempat itu).

Daripada ayat-ayat di atas dapat difahami bahawa para suami disuruh untuk bersikap baik terhadap isteri-isteri mereka daripada sudut pergaulan, sikap, tingkah laku, percakapan dan sebagainya yang melibatkan hubungan seharian

dalam rumah tangga. Berkelakuan baik adalah satu tuntutan syarak dalam kehidupan rumah tangga antara suami isteri. Sekiranya suami gagal memberi penjagaan dan perlindungan yang baik dan mengabaikar tanggungjawab yang diamanahkan maka wajar pihak suami melepaskan atau menceraikan isterinya dengan cara yang baik dan tidak menyusahkan serta menyempitkannya sebagai jalan untuk menghindarkan kemudaratannya yang berterusan terhadap isteri.

Sebarang tindakan yang boleh menimbulkan kemudaratannya hendaklah dihindarkan sebagaimana dalam kaedah fiqh yang berbunyi :

الضرر يزال

Maksudnya: Sebarang kemudaratannya hendaklah dihindarkan.¹

Darar atau kemudaratannya dalam rumah tangga begitu luas skop dan bentuknya. Segala perbuatan, tindakan, sikap, pertuturan, pergaulan dan cara hidup yang boleh menimbulkan kemudaratannya adalah tergolong dalam kategori *darar*. *Darar* dalam rumah tangga termasuklah tidak memberi nafkah, penyakit merbahaya, keaiban, hilang yang tidak dapat dikesan, penderaan, dipenjarakan dan lain-lain lagi yang boleh menimbulkan pelbagai kemudaratannya samada dari segi fizikal, jiwa, mental dan seksual.

¹Abū al-Fadl Jalāl al-Dīn 'Abd al-Rahmān al-Suyū'ī (1994), *al-Asy'bāt wa al-Naṣā'ir*, Beirut Muassasah al-Kutub al-Thaqāfiyyah, h. 112.

2.2. Pengertian *Darar*

2.2.1. Pengertian Dari Segi Bahasa

Al-Darar lawan kepada *al-naf'* (النفع) ² iaitu manfaat, mudarat lawan kepada manfaat.

Al-Darar bererti *al-dayiq* (الضيق) ³ yang bermaksud menyempitkan, paksaan yang bersangatan dan menyukarkan.

2.2.2. Pengertian Dari Segi Istilah Syarak

Al-Darar (الضرر) ialah suatu keadaan yang tidak baik, buruk lagi menyukarkan dan menyusahkan. *Darar* secara umumnya ialah apabila hak-hak individu dalam satu-satu rumahtangga telah dicabuli, diderai dan disakiti samada ia berbentuk fizikal, jiwa, mental (emosi) dan seksual.⁴ Pengertian ini mencakupi *darar* boleh berlaku ke atas suami dan isteri. Dr. Muhammad 'Uqlah mentakrifkan *darar* dari segi istilah ialah suami menyakiti isteri samada melalui perbuatan dengan pukulan yang mencederakan atau memburuk-burukkan dan menghina atau paksaan melakukan maksiat atau memulaunya dengan tiada sebab

²Abū al-Faḍl Jamāl al-Dīn Muḥammad ibn Mukram ibn Manzūr (t t). *Lisān al-‘Arab*, j. 14. Beirût: Dār al-Fikr, h. 482.

³Sa'di Abū Jayb (1988). *al-Qāmūs al-Fiqhī Lughah wa Iṣṭilāḥā*, c. 2, Dimasyq: Dār al-Fikr, h. 223. Majd al-Dīn ibn Ya'qūb al-Fayrūz Ābādī (1991). *al-Qāmūs al-Muḥīṭ*, j. 2, Beirût: Dār Ihyā' al-Turāth al-‘Arabī, h. 107. Dr. Ibrāhīm Anīs et al. (1972). *al-Mu'jam al-Wasīṭ*, j. 1, c. 2, al-Qāhirah: Dār al-Ma'ārif, h. 538.

⁴Lihat Raihanah 'Abdullah (1997), Alasan Membubarkan Perkahwinan Melalui Fasakh, *Jurnal Syariah*, Bahagian Pengajian Islam Universiti Malaya, Jil. 5, Bil. 1, Januari 1997, h. 59.

dari segi syarak atau memutuskan percakapan dan lain-lain.⁵ Pengertian ini hanya menfokuskan suami melakukan *darar* terhadap isterinya sahaja dan tidak berlaku sebaliknya. *Darar* juga bermaksud balaya yang menyentuh isteri mengenai agama, nyawa, tubuh badan, akal fikiran, akhlak atau harta benda mengikut kebiasaan yang diakui oleh hukum syarak.⁶

2.2.3. Pengertian *Darar* Di Kalangan Ulama' Tafsir

Perkataan *darar* ada dinyatakan di dalam al-Quran yang berbunyi :

فَأُمِسِّكُوهُنْ بِمَعْرُوفٍ أَوْ سَرِّ خَوْهُنْ بِمَعْرُوفٍ وَلَا تُمْسِكُوهُنْ بِضَرِّهِنْ
يَتَعَذَّرُوا

Surah ai-Baqarah (2): 231.

Ertinya: Maka bolehlah kamu pegang mereka (rujuk) dengan cara yang baik atau lepaskan mereka dengan cara yang baik. Dan janganlah kamu pegang mereka (rujuk semula) dengan maksud memberi mudarat, kerana kamu hendak melakukan kezaliman (terhadap mereka).

Di sini ada dijelaskan makna *al-darar* (الضرر) di kalangan ulama' tafsir serta dijelaskan apa yang dimaksudkan *al-ma'rūf* (المعروف) dalam konteks kekeluargaan berdasarkan pentafsiran al-Quran. Dua kalimah yang berbeza dan apakah yang dimaksudkan *darar* dalam perkahwinan dan bagaimana konsep *ma'rūf* dalam rumah tangga menurut Islam.

⁵Dr. Muhammad 'Uqlah (1990), *Niżām al-Uṣrah fi al-Islām*, j. 3, c. 2, 'Ammān Maktabah al-Risālah, h. 219.

⁶Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303) (1909). Aura Productions Sdn. Bhd., h. 8

Berdasarkan firman Allah di atas, dapat dilihat kalimah *dirār* (ضرار) yang bermaksud suami mendatangkan kemudaratkan kepada isteri.⁷ Ia juga bermaksud janganlah kamu merujuk kerana bertujuan untuk memudaratkan atau kamu menjadi orang yang memudaratkan mereka (isteri).⁸ Suami tidak boleh memegang mereka dengan memanjangkan masa *'iddah* dengan tujuan untuk menzalimi mereka dan kadang-kadang dengan maksud untuk menyakiti mereka dengan kezaliman yang lain.⁹

Mengikut Ibn Jarīr al-Tabarī riwayat daripada al-Suddī bahawa ayat ini diturunkan dan ditujukan kepada lelaki Anṣär yang bernama Thābit ibn Basyār. Dia telah menceraikan isterinya dalam masa tidak sampai dua hari atau tiga hari dia rujuk kembali kemudian menceraikan isterinya kembali dengan tujuan untuk memberi kemudarat dan penyiksaan kepada isterinya maka Allah turunkan:¹⁰

وَلَا تُنْسِكُوهُنْ ضَرَّارًا لَتَعْذِذُوا

Surah al-Baqarah (2): 231.

Ertinya: Dan janganlah kamu pegang mereka (rujuk semula) dengan mudarat, kerana kamu hendak melakukan kezaliman (terhadap mereka).

Adalah dilarang merujuk isteri dengan tujuan untuk memberi kemudarat terhadap isteri dengan mengurung dan memanjangkan tempoh *'iddah* mereka. Ini merupakan sesuatu yang melampau terhadap diri mereka. Tindakan itu bererti

⁷Dr. Wahbah al-Zuhayli (1991), *al-Tafsīr al-Munīr fi al-'Aqīdah wa al-Syarī'ah wa al-Minhāj*, j. 2, Dimasyq: Dār al-Fikr, h. 349

⁸Al-Imām 'Alā' al-Dīn 'Alī ibn Muḥammad ibn Ibrāhīm al-Bahgdādī (1995), *Tafsīr al-Khāzin*, j. 1, Beirūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 301

⁹Al-'Allāmah Abū al-Faḍl Syīhāb al-Dīn al-Sayyid Maḥmūd al-Alūsī al-Baghdādī (1994), *Rūḥ al-Ma'ānī fi Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm wa al-Sab' al-Mathānī*, j. 1, Beirūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 537.

¹⁰Abū Ja'far Muḥammad ibn Jarīr al-Tabarī (1988), *Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wīl Aya al-Qur'ān*, j. 2, Beirūt: Dār al-Fikr, h. 481.

suami telah menzalimi isterinya sendiri dan menimbulkan keresahan di hati kecil isterinya. Tindakan itu juga telah membuka pintu permusuhan dengan keluarga isteri. Selain itu suami telah mendedahkan dirinya untuk diazab oleh Allah dengan kemurkaan-Nya kerana melakukan kemudaratannya kepada isteri serta menyekat kemahuan untuk membebaskan diri daripadanya.¹¹

Manakala dalam perkataan *al-ma'rūf* (المعروف) ialah berlaku baik di dalam pergaularan sehari-hari ia juga bermaksud selain daripada perkara-perkara yang memudaratkan (من غير ضرر).¹²

Yang dimaksudkan dengan hidup secara baik ialah sebarang perkara yang dianggap baik pada diri mengikut pandangan syarak, 'urf dan adat kebiasaan :

وَمَا اسْتَحْسَنَتِ النُّفُوسُ شُرُعًا وَ عَرْفًا وَ عَادَةً

Maksudnya: Sesuatu yang memberi kebaikan kepada diri menurut pandangan syarak, 'urf dan adat.¹³

Apa yang dimaksudkan memelihara dengan cara yang baik iaitu suami melaksanakan apa-apa yang diwajibkan ke atasnya terhadap isteri daripada hak-hak suami seperti nafkah zahir dan batin. Apabila tidak ada apa yang hendak dinafkahkan kepada isteri bermakna ia telah keluar daripada had *ma'rūf* yang dikehendaki. Suami tidak boleh terus bersama dengan isteri sekiranya dia terus menimbulkan kemudaratannya kepada isterinya. Ini adalah pendapat Imam Mālik, Imam al-Syāfi'i dan Imam Ahmad ibn Ḥanbal.¹⁴

¹¹ al-Zuhaylī (1991), op.cit., h. 351.

¹² Ibid., h. 349. Jalāl al-Dīn al-Mahallī *et al* (1995), *Tafsīr al-Jalālayn*, Beirut: Muassasah al-Risālah, h. 37.

¹³ al-Zuhaylī (1991), op.cit., h. 349.

¹⁴ Abū 'Abd Allāh Muḥammad ibn Aḥmad al-Qurtubī (1987), *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān*, j. 3, Beirut: Dār al-Fikr, h. 155.

Ini bermakna kehidupan berumahtangga yang *ma'rūf* ialah suami yang melaksanakan tanggungjawabnya dan menunaikan hak-haknya terhadap isterinya serta berlaku baik terhadapnya. Sebarang tindakan yang keluar daripada batasan yang tergolong dalam *ma'rūf* dinamakan kemudaratian. Kegagalan melaksanakan kewajipan yang sewajarnya menurut pandangan syarak, *'urf* dan adat adalah satu penganiayaan.

Daripada penjelasan di atas, *ma'rūf* mempunyai makna yang luas yang memberi gambaran yang baik dalam kehidupan berumahtangga manakala *darar* adalah lawan kepada *ma'rūf* yang boleh memudaratkan kehidupan berumahtangga dan isteri boleh memohon fasakh bagi menghindarkan sebarang kemudaratian.

2.2.4. Kaedah-Kaedah Fiqh Yang Berkaitan Dengan *Darar*

Berdasarkan sabda rasulullah s.'a.w. :

عَنْ أَبِي عَبْدِ الرَّحْمَنِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا ضَرَرَ وَلَا ضَرَارٌ

Ertinya: Daripada ibn 'Abbas r.'a. berkata : Sabda rasulullah s.'a.w.: Tidak boleh memudaratkan dan tidak boleh melakukan tindakbalas dengan kemudaratian.¹⁵

Daripada hadis ini, ulama' telah mengeluarkan banyak kaedah umum berdasarkan *darar* untuk meletak sesuatu hukuman pada sesuatu perkara. Antaranya ialah :

الضرر يزال

Ertinya: Sebarang kemudaratian hendaklah dihindarkan.¹⁶

¹⁵ Al-Syaikh Khalil Ma'mūn Syīḥā (1996), *Sunan ibn Mājah bi Syarḥ al-Imām Abī al-Ḥasan al-Hanafī al-Sindī*, j. 3, Beirut: Dār al-Ma'rīfah, h. 106.

¹⁶ al-Suyūfi (1995), op.cit.

الضرر يدفع بغير الإمكان

Ertinya: Kemudaranan hendaklah dihindarkan sedaya mungkin.¹⁷

الضرر الأشد يزال بالضرر الأخف

Ertinya: Sebarang kemudaranan yang lebih besar hendaklah dihindarkan dengan sesuatu yang lebih ringan.¹⁸

الضرر لا يزال بمنتهه

Ertinya: Sebarang kemudaranan tidak boleh dihindarkan dengan kemudaranan yang seumpamanya.¹⁹

الضرورات تبيح المحظورات

Ertinya: Sebarang kemudaranan mengharuskan perkara yang dilarang²⁰

الضرورات تقدر بقدرها

Ertinya: Sebarang kemudaranan dihitung dengan kadarnya.²¹

Yang dimaksudkan *darar* di kalangan ulama' ialah sebarang perbuatan atau tindakan yang boleh memberi kesan buruk kepada manusia terhadap agama, diri, keturunan, harta dan maruah.²² Ia juga merangkumi seluruh aspek kehidupan dan alam sekeliling, dalam aspek kehidupan manusia yang melibatkan perhubungan sesama mereka seperti jual beli, nikah kahwin, pergaulan dan lain-lain lagi.

Larangan menimbulkan pencabulan terhadap diri, harta benda, maruah dan daripada permusuhan dan kezaliman. Kesemuanya itu mendatangkan

¹⁷ Al-Syaikh Ahmad ibn al-Syaikh Muhammad al-Zarqā' (1989), *Syarḥ al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*, Dimasyq: Dār al-Qalam, h. 208.

¹⁸ Ibid., h. 199.

¹⁹ Ibid., h. 195.

²⁰ Ibid., h. 185.

²¹ Ibid., h. 187.

²² Alī Ahmad al-Nadawī (1994), *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*, Dimasyq: Dār al-Qalam, h. 287.

kemudaran.²³ Begitulah juga dalam kehidupan rumahtangga, sebarang perkara yang boleh menimbulkan kemudaran kepada isteri seperti keaiban pada suami dan suami tidak memberi nafkah hendaklah dihindarkan dan antara jalannya ialah melalui permohonan fasakh. Semua perkara ini menimbulkan kemudaran kepada kehidupan manusia.

Makna umum bagi *darar* ialah sebarang perkara yang boleh menimbulkan kemudaran kepada diri manusia, keluarga, masyarakat, ekonomi, politik dan sebagainya. Penulis berpendapat perlunya tindakan untuk menyusun dan menyelaraskan mana-mana perkara yang memudaratkan yang seharusnya dihindarkan daripada menimpa individu dan masyarakat. Kewajipan meletakkannya sebagai satu peraturan dan dilaksanakan dengan kekuatan yang ada pada pemerintah (kuasa politik).

Darar yang dinyatakan di dalam al-Quran antaranya yang berikut :

وَلَا تُنْسِكُوهُنَّ ضِرَارٌ لَّيَتَعَذَّرُوا

Surah al-Baqarah (2): 231.

Ertinya: Dan janganlah kamu pegang mereka (rujuk semula) dengan maksud memberi mudarat kerana kamu hendak melakukan kezaliman (terhadap mereka).

Maksudnya mana-mana suami yang ingin merujuk isterinya yang bukan bertujuan untuk menjaganya dengan baik tetapi ingin memanjangkan tempoh 'iddah, di mana suami akan menjatuhkan talak yang kedua maka tempoh 'iddah akan dikira mengikut talak yang kedua. Ini bermakna ia merupakan sesuatu yang

²³ Abū Ishaq al-Syājibī (1994), *al-Muwāfaqāt fi Uṣūl al-Fiqh al-Šyarī'ah*, j. 3, Beirut: Dār al-Ma'rifah, h. 15.

menyakitkan isteri dan memudarangkan dengan terpaksa menunggu lebih lama dan juga menyiksakan.²⁴

Daripada salah satu kaedah fiqh yang popular ialah *الضرر يزال* (al-*zal*) yang bermaksud sebarang kemudaratan hendaklah dihindarkan daripada mengena pada diri, masyarakat, ekonomi, alam sekitar, agama dan sebagainya. Begitu juga dalam sesebuah keluarga, segala perkara yang boleh menimbulkan kemudaratan hendaklah dihindarkan dan dijauhkan.

Kaedah ini merupakan kaedah yang unggul dan fleksibel dan dijamin oleh syarak yang sesuai untuk diperaktikkan dalam kehidupan manusia. Pada asasnya semua orang bebas untuk melakukan sesuatu tindakan yang boleh mendatangkan kebaikan dan kemaslahatan kepada dirinya dan orang lain serta mengelak sebarang kemudaratan. Jika kemudaratan itu boleh membahayakan masyarakat am maka perlu dielakkan dengan mengambil risiko kemudaratan yang lebih kecil. Menghindar kemudaratan am (besar) adalah lebih utama daripada kemudaratan khas (kecil).²⁵

Apabila kemudaratan yang lebih besar tidak dapat dihindarkan atau dihilangkan melainkan dengan terpaksa menanggung kemudaratan yang lebih ringan maka lebih wajar menanggung kemudaratan yang lebih ringan demi untuk menolak kemudaratan yang lebih besar bahayanya. Antara contohnya ialah memenjarakan seorang suami supaya membayar nafkah kepada isteri dan anak-

²⁴Lihat al-Tabarī (1988), op cit., hh. 480-483.

²⁵Lihat al-Zarqā' (1989), op cit., hh. 197-198.

anak di bawah tanggungannya.²⁶ Tindakan ini lebih wajar kerana kemudaratan atau kemerbahayaan akibat dipenjarakan itu lebih ringan daripada kemudaratan jika enggan memberi nafkah kepada isteri.

2.3. Bentuk-bentuk Darar Dalam Perkahwinan

2.3.1. Penderaan

i) Penderaan Fizikal

Penderaan fizikal melibatkan kesakitan dan kecederaan tubuh badan isteri. Di antaranya isteri dipukul oleh suami dengan tangan atau dengan menggunakan alat. Penderaan daripada sudut ini meninggalkan kesan kecederaan atau luka atau patah dan sebagainya. Di antara penderaan fizikal terhadap tubuh badan isteri dengan tidak menggunakan pukulan ialah mencurahkan air panas ke atasnya dan lain-lain yang tidak harus dari segi syarak dan menyebabkan kesakitan kepada tubuh badan isteri.²⁷ Kesan penderaan ini dapat dilihat pada tubuh badan. Kebanyakan isteri yang dipukul oleh suaminya akan mengalami kecederaan di muka terutamanya di bahagian mulut dan mata, kesan lebam boleh dilihat pada seluruh badan isteri. Ada juga mengalami masalah pendengaran akibat daripada perbuatan suami yang sering memukulnya. Kesan daripada tindakan kasar suami isteri memerlukan rawatan kesihatan. Jika tidak, kemungkinan ia akan mendatangkan kemudaratan yang lebih besar dan serius.

²⁶Ibid., h. 199.

²⁷Zaydān (1994), op cit., h. 438.

Ini dapat dilihat pada diri mangsa tersebut seperti calar-calar, kesan lebam di pipi dan mata, kesan parut akibat dicucuh dengan puntung api rokok dan kesan darah di bibir. Serangan yang melibatkan khusus serangan di bahagian dada atau organ kelamin isteri, sekiranya serangan ganas ini berlaku semasa isteri hamil, kesannya boleh menyebabkan keguguran.

Apa pun kesalahan si isteri, apakah sanggup seorang suami yang berperanan sebagai ketua dan pembimbing rumah tangga melakukan sedemikian. Lebih mendukacitakan, kebanyakan suami yang mendera isteri terdiri di kalangan golongan profesional dan berjawatan tinggi namun terlalu kurang pemahaman agama. Perkara ini diakui sendiri oleh Ketua Penolong Pengarah, Cawangan Pembangunan Keluarga, Sosial dan Pengurusan Masjid (KESUMA), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Sulaiman Endut. Aduan mengenai keganasan rumah tangga saban hari diterima sama ada dari segi fizikal dan juga mental. Penderaan fizikal dikategorikan sebagai boleh dilihat dengan mata kasar seperti kesan dipukul, digigit, lebam, berdarah dan bengkak.²⁸

ii) Penderaan Jiwa Dan Mental

Penderaan jiwa dan mental ialah segala yang menyebabkan kesakitan terhadap jiwa dan mental isteri seperti menyebut kepadanya dengan perkataan yang buruk, caci serta maki terhadapnya atau terhadap kedua ibu bapanya, membandingkannya atau kedua ibu bapanya dengan sesuatu yang dianggap buruk seperti babi, anjing atau kaldai. Di antara bentuk penderaan tersebut termasuklah juga tidak bercakap dengannya, meninggalkan tempat tidurnya tanpa sebab yang

²⁸Utusan Malaysia, Isnin, 15 Januari, 2001, h. 6.

Ini dapat dilihat pada diri mangsa tersebut seperti calar-calar, kesan lebam di pipi dan mata, kesan parut akibat dicucuh dengan puntung api rokok dan kesan darah di bibir. Serangan yang melibatkan khusus serangan di bahagian dada atau organ kelamin isteri, sekiranya serangan ganas ini berlaku semasa isteri hamil, kesannya boleh menyebabkan keguguran.

Apa pun kesalahan si isteri, apakah sanggup seorang suami yang berperanan sebagai ketua dan pembimbing rumah tangga melakukan sedemikian. Lebih mendukacitakan, kebanyakan suami yang mendera isteri terdiri di kalangan golongan profesional dan berjawatan tinggi namun terlalu kurang pemahaman agama. Perkara ini diakui sendiri oleh Ketua Penolong Pengarah, Cawangan Pembangunan Keluarga, Sosial dan Pengurusan Masjid (KESUMA), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Sulaiman Endut. Aduan mengenai keganasan rumah tangga saban hari diterima sama ada dari segi fizikal dan juga mental. Penderaan fizikal dikategorikan sebagai boleh dilihat dengan mata kasar seperti kesan dipukul, digigit, lebam, berdarah dan bengkak.²⁸

ii) Penderaan Jiwa Dan Mental

Penderaan jiwa dan mental ialah segala yang menyebabkan kesakitan terhadap jiwa dan mental isteri seperti menyebut kepadanya dengan perkataan yang buruk, caci serta maki terhadapnya atau terhadap kedua ibu bapanya, membandingkannya atau kedua ibu bapanya dengan sesuatu yang dianggap buruk seperti babi, anjing atau kaldai. Di antara bentuk penderaan tersebut termasuklah juga tidak bercakap dengannya, meninggalkan tempat tidurnya tanpa sebab yang

²⁸Utusan Malaysia, Isnin, 15 Januari, 2001, h. 6

betul iaitu memulaunya dan tidak melakukan hubungan seksual dengannya tanpa kebenaran syarak seperti suami sakit. Penderaan jiwa dan mental ditimbulkan daripada situasi suami seperti menunjukkan keadaan masam muka terhadap isteri, mengangkat kedua kening apabila berhadapan dengannya, meninggikan suara dan tidak mendengar atau memberi perhatian semasa isteri bercakap seperti menyibukkan diri dengan sesuatu yang lain dan membiarkan isteri bercakap seorang diri kemudian beredar meninggalkannya.²⁹

Menurut Sulaiman Endut, penderaan mental berlaku dengan melemparkan kata-kata kesat dan tidak bermaruah. Memaki hamun dengan panggilan kotor dan menjijikkan serta mengugut dan mengancam nyawa si isteri juga boleh dianggap sebagai penderaan.³⁰

Isteri yang memendam rasa terhadap sikap suami sebenarnya membuka jalan ke arah penderaan fizikal. Ia melibatkan perasaan seperti penyiksaan batin, pengabaian tanggungjawab, memperkecilkan kebolehan isteri, maki hamun dan tidak menyediakan keperluan rumah tangga yang cukup.

Penderaan yang dilakukan oleh suami boleh menimbulkan kesan kepada jiwa dan mental isteri. Akibat daripada perbuatan suami, isteri akan mengalami perubahan sikap yang ketara. Isteri yang menjadi mangsa dera, jika sebelum didera ia seorang periang dan selepas didera ia menjadi seorang pendiam, suka mengurung diri dan kurang bergaul dengan orang ramai. Isteri yang sering didera meninggalkan kesan buruk kepada jiwa dan mentalnya seperti ketidakteraman

²⁹Zaydān (1994), op. cit.

³⁰Utusan Malaysia, op.cit.

betul iaitu memulaunya dan tidak melakukan hubungan seksual dengannya tanpa kebenaran syarak seperti suami sakit. Penderaan jiwa dan mental ditimbulkan daripada situasi suami seperti menunjukkan keadaan masam muka terhadap isteri, mengangkat kedua kening apabila berhadapan dengannya, meninggikan suara dan tidak mendengar atau memberi perhatian semasa isteri bercakap seperti menyibukkan diri dengan sesuatu yang lain dan membiarkan isteri bercakap seorang diri kemudian beredar meninggalkannya.²⁹

Menurut Sulaiman Endut, penderaan mental berlaku dengan melemparkan kata-kata kesat dan tidak bermaruah. Memaki hamun dengan panggilan kotor dan menjijikkan serta mengugut dan mengancam nyawa si isteri juga boleh dianggap sebagai penderaan.³⁰

Isteri yang memendam rasa terhadap sikap suami sebenarnya membuka jalan ke arah penderaan fizikal. Ia melibatkan perasaan seperti penyiksaan batin, pengabaian tanggungjawab, memperkecilkan kebolehan isteri, maki hamun dan tidak menyediakan keperluan rumah tangga yang cukup.

Penderaan yang dilakukan oleh suami boleh menimbulkan kesan kepada jiwa dan mental isteri. Akibat daripada perbuatan suami, isteri akan mengalami perubahan sikap yang ketara. Isteri yang menjadi mangsa dera, jika sebelum didera ia seorang periang dan selepas didera ia menjadi seorang pendiam, suka mengurung diri dan kurang bergaul dengan orang ramai. Isteri yang sering didera meninggalkan kesan buruk kepada jiwa dan mentalnya seperti ketidakteraman

²⁹Zaydān (1994), op. cit.

³⁰Utusan Malaysia, op.cit.

memudaratkan rumahtangga dan isteri. Sikap suami yang mengabaikan tangungjawab agama serta melakukan maksiat kepada Allah s.w.t. contohnya kaki botol, kaki judi dan kaki perempuan boleh menjelaskan keharmonian rumahtangga dan banyak memberi kesan kepada kehidupannya, keluarganya dan merubah sikap serta tindakannya.

2.3.4. Kecacatan (Keaiban)

Kecacatan dan keaiban ini melibatkan organ jantina dan penyakit-penyakit yang mengaibkan dan tidak disukai oleh orang lain seperti sopak, kusta, balar dan sebagainya. Kecacatan organ kelamin termasuklah mati pucuk samada sebab lumpuh, umur terlalu tua dan sebagainya.

2.3.5. Suami Hilang

Suami yang hilang bermakna suami tidak dapat dikesan tempat kediamannya dan ia juga mengabaikan tanggungjawab dan kewajipan kepada isteri iaitu nafkah zahir dan batin. Kehilangannya memberi kesan kepada kehidupan isteri dari segi nafkah makan minum, nafkah batin dan juga kasih sayang. Ini menimbulkan kemudaratan kepada isteri kerana kehilangan suami memberi tiga penderitaan iaitu penderitaan fizikal (nafkah zahir), mental (kasih sayang) dan batin (nafkah batin).

2.3.6. Suami Dipenjarakan

Suami yang dipenjarakan tidak akan dapat memberi apa-apa kepada isterinya samada nafkah zahir mahupun batin, bimbingan, perlindungan, kasih sayang dan sebagainya. Apabila suami dipenjarakan maka akan berlaku

pengabaian segala tanggungjawab kepada rumah tangga, ketiadaan suami di sisi isteri menderitakan isteri zahir maupun batin serta boleh mendatangkan fitnah dan kemudaran kepada isteri

2.3.7. Penyakit Merbahaya

Wanita Islam boleh menuntut pembubaran perkahwinan sekiranya mendapat tahu suaminya mengidap penyakit merbahaya atau berjangkit. Peraturan ini sudah diterima pakai oleh negeri-negeri di Malaysia. Sebagai contoh Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303) ada memperuntukkan peraturan tersebut.³¹

Pada prinsipnya hubungan langsung antara suami isteri adalah tanggungjawab kedua-dua belah pihak. Hubungan seks adalah tanggungjawab timbal balik dan setiap seorang daripada keduanya ada hak dan kewajipan. Isteri perlu memenuhi kehendak suami dan suami perlu memenuhi kehendak isteri.

Dalam kita menghadapi wabak HIV/AIDS yang semakin menular di kalangan masyarakat zaman moden yang merosakkan ini, wanita atau isteri adalah berisiko tinggi untuk mendapat jangkitan tersebut.

Masalahnya, bagaimana wanita ingin mempertahankan dirinya serta mengelak daripada dijangkiti penyakit tersebut sedangkan antara cara berjangkit ialah melalui hubungan seks sedangkan tanggungjawab isteri ialah memenuhi tuntutan seks suami.

³¹ Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303), op. cit

Jika hubungan itu boleh memudaraskan atau mendatangkan keburukan kepada salah satu pihak iaitu suami atau isteri, agama memberi kelonggaran untuk pasangan agar tidak memenuhi tanggungjawab walaupun tidak dinafikan hukum asal ialah isteri wajib memenuhi perintah dan kemahuan suami kecuali dalam perkara mungkar. Dalam tuntutan nafsu, isteri perlu memenuhinya sekiranya suami tiada masalah tetapi jika isteri mendapati suaminya disahkan mengidap penyakit AIDS dan secara automatik virus itu akan dijangkiti menerusi hubungan seks maka dalam keadaan ini, isteri tidak wajib menunaikannya kerana mendatangkan kemudarat.

Di dalam al-Quran Allah s.w.t. berfirman:

وَلَا تُلْقِوْا بِأَيْدِيْكُمْ إِلَى الشَّهَنَكَةِ

* Surah al-Baqarah (2): 195.

Ertinya: Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan.

Ayat tersebut menyatakan janganlah mencampakkan diri kamu di dalam kebinasaan. Jika sah suami dijangkiti HIV/AIDS, isteri boleh mempertahankan haknya.

Dalam konteks Islam, apabila suami disahkan membawa kuman HIV/AIDS dan puncanya daripada hubungan perzinaan, pada hakikatnya sudah berlaku perceraian kepada pasangan terbabit kerana hukum penzina *mujāhān* ialah direjam sampai mati, namun jika dilihat dalam konteks Islam yang dipraktikkan sekarang, hanya bukti kukuh boleh membenarkan wanita tampil ke muka pengadilan untuk menuntut fasakh daripada suami yang mempunyai penyakit merbahaya. Sebagai contoh isteri kepada penagih dadah perlu mendapatkan kepastian daripada pihak

pakar perubatan jika benar suaminya pembawa virus HIV/AIDS. Jika keputusan positif maka ada sebab untuk mengelakkan hubungan seks kerana berjangkit.

Mengenai hak dan undang-undang, isteri boleh membuat aduan di mahkamah dan harus bagi isteri menuntut pembubaran perkahwinan. Bagaimanapun setiap aduan itu akan diteliti dan dikaji terlebih dahulu untuk mempastikan kebenarannya. Bagi isteri yang ingin memohon fasakh, ia harus berbuat demikian tetapi tuntutan itu hendaklah disertakan dengan bukti yang tepat daripada pihak yang berkenaan seperti hospital atau mana-mana pusat perubatan.

2.4. Hukum Pembubaran Perkahwinan Kerana *Darar* Menurut Pandangan Fuqaha'

Hukum pembubaran perkahwinan kerana *darar* menurut pandangan fuqaha', secara umumnya terbahagi kepada dua pendapat iaitu pendapat yang mengharuskan dan pendapat yang tidak mengharuskan. Antara perkara yang mengharuskan pembubaran perkahwinan di sisi sebahagian fuqaha' ialah kecacatan atau keaiban pada suami, tidak memberi nafkah, penderaan fizikal, suami hilang dan suami dipenjarakan. Berikut perbahasan fuqaha' secara ditil tentang hukum pembubaran perkahwinan kerana *darar*.

2.4.1. Pembubaran Perkahwinan Kerana Keaiban (Kecacatan)

Keaiban yang dimaksudkan ialah kecacatan yang merangkumi kecacatan pada organ seks samada ianya lemah tidak berfungsi dan sebagainya yang tidak mampu untuk melakukan hubungan seks dengan isteri atau penyakit-penyakit yang merbahaya, berjangkit dan tidak disukai dan dibenci orang seperti kusta, sopak, gila dan sebagainya.

Keaiban atau kecacatan yang dihadapi oleh suami adalah di antara sebab yang membolehkan isteri memohon fasakh daripada mahkamah. Bagaimanapun para fuqaha' sepakat bahawa isteri tiada hak untuk memohon membubarkan perkahwinan, sekiranya kecacatan berlaku sebelum akad dan diketahui oleh isteri ataupun kecacatan berlaku selepas akad tetapi isteri telah menyatakan keredaannya dengan kecacatan tersebut.³²

Dari sini jelas dibolehkan memohon fasakh kerana kecacatan dalam dua keadaan berikut sahaja. Pertama, kecacatan yang berlaku sebelum akad tetapi tidak diketahui oleh isteri. Kedua, kecacatan yang berlaku selepas akad dan isteri tidak menyatakan ia reda dengan kecacatan tersebut.³³

Keaiban pada pasangan terbahagi kepada tiga bahagian iaitu:³⁴

- i) Keaiban yang berupa penyakit kemaluan khusus bagi lelaki iaitu '*unnah*' (mati pucuk), *jabb* (terputus zakar) dan *khaṣā'* (tiada buah zakar).
- ii) Keaiban yang berupa penyakit kemaluan khusus bagi perempuan iaitu *rataq* (tumbuhnya daging di dalam saluran kemaluan yang menghalang kemasukan zakar) dan *qarn* (tumbuh tulang di dalam saluran faraj yang juga menghalang masuknya zakar), *'afal* (iaitu faraj mengeluarkan buih semasa berlaku persetubuhan), *ifḍā'* (bersatu qubul dengan saluran kencing atau najis) dan lain-lain lagi.

³² Dr. Badrān Abū al-'Aynayn Badrān (1967), *al-Zawāj wa al-Ḥalāq fī al-Islām*, Iskandariyah Muassasah Syabāb al-Jāmi'ah, h. 436. Dr. Badrān Abū al-'Aynayn Badrān (1974), *al-Zawāj wa al-Ḥalāq fī al-Syarī'ah al-Islāmiyyah wa al-Qānūn*, c. 2, Iskandariyah Muassasah Syabāb al-Jāmi'ah, hh. 239-242.

³³ Abd. Kadir Hj. Muhammad (1994), "Fasakh Kerana Ketidakkemampuan Memberi Nafkah Dan Kecacatan Suami", *Monografi Syariah*, Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Mei 1994, h. 111.

³⁴ Dr. Wahbah al-Zuhaylī (1989), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, j. 7, c. 3, Dimasyq, Dār al-Fikr, h. 514.

- iii) Keaiban yang melibatkan kedua-duanya iaitu sopak, kusta dan gila.

Daripada pembahagian di atas dapat dikelaskan kepada dua bahagian iaitu:³⁵ Keaiban yang melibatkan organ seks yang boleh menghalang berlaku persetubuhan. Keaiban yang tidak menghalang persetubuhan tetapi penyakit yang boleh mendatangkan kemudaratana serta tidak disukai oleh manusia yang normal.

Jumhur fuqaha' sepakat terhadap keharusan fasakh kerana keaiban tetapi mereka berselisih dalam menentukan apakah jenis keaiban yang boleh difasakhkan. Namun di kalangan ulama' Zāhiriyah berpendapat tidak harus fasakh dengan sebarang kecacatan kerana tiada dalil yang boleh disandarkan.³⁶

Di bawah ini diperbahaskan pendapat-pendapat ulama' yang mengharuskan fasakh kerana keaiban (kecacatan).

Mazhab Hanafī

Dalam mazhab Hanafī perceraian fasakh hanya boleh berlaku pada tiga jenis keaiban sahaja iaitu:³⁷

- i) *Al-Jubb* (الجب) iaitu terpotong atau terputus alat kelamin lelaki (tiada batang zakar).
- ii) *Al-'Unnah* (العنة) iaitu tidak berupaya melakukan hubungan seks disebabkan faktor semulajadi, umur yang terlalu tua atau penyakit mendatang.
- iii) *Al-Khayā'* (الخباء) iaitu terputus atau hilang kedua-dua buah zakar suami.

³⁵Ibid

³⁶Ibid., h. 516

³⁷Ibid., h. 517

Isteri boleh memohon fasakh kerana keaiban tersebut khususnya *al-jabb* dan *al-khayā'* kerana ia tidak mungkin akan sembah dan kecacatan itu berkekalan. Keaiban tersebut telah menghilangkan tujuan asal perkahwinan iaitu untuk melahirkan zuriat dan menghindari diri daripada melakukan maksiat. Sekiranya hubungan perkahwinan mereka diteruskan boleh menimbulkan kemudaratian maka adalah wajar mereka dipisahkan.

Namun bagi kecacatan *al-'unnah* (العنّة) hakim boleh memberi tempoh selama setahun untuk memberi peluang kepada suami merawat dan mengembalikan kepada keadaan asal. Bagi penyakit-penyakit yang lain seperti gila, sopak, kusta dan sebagainya, tidak diharuskan fasakh samada kecacatan itu pada suami atau pada isteri. Ini disepakati di kalangan ulama' Ḥanafī.

Mazhab Mālikī

Dalam mazhab Mālikī terdapat tiga belas kecacatan yang mengharuskan tuntutan fasakh dibuat iaitu:³⁸

- i) Khusus bagi lelaki :-
 - a) *Al-Jabb* (الجب).
 - b) *Al-'Unnah* (العنّة).
 - c) *Al-Khayā'* (الخساع).
- ii) Khusus bagi perempuan
 - a) *Al-Rataq* (الرَّتْق) iaitu tumbuh daging di dalam saluran kemaluan yang menghalang kemasukan zakar.

³⁸Ibid , h 518.

- b) *Al-Qarn* (القرن) iaitu tumbuh tulang di dalam saluran faraj yang juga menghalang masuknya zakar.
 - c) *Al-Bakhar* (البخار) iaitu mulut berbau busuk.
 - d) *Al-Ifdā'* (القضاء) iaitu bersatu qubul dengan saluran kencing atau najis.
 - e) *Al-'Afal* (العفال) iaitu faraj mengeluarkan buih semasa berlaku persetubuhan.
- iii) Kecacatan pada suami isteri
- a) Gila.
 - b) Sopak.
 - c) Kusta.
 - d) *Al-Ghaṭīqah* (الغطية) iaitu keluar najis semasa *jima'*.

Mazhab Syāfi'i

Dalam mazhab Syāfi'i juga mengharuskan fasakh apabila berlaku kecacatan pada alat kelamin dan penyakit-penyakit yang mendatang. Terdapat tujuh keaiban yang boleh difasakhkan dalam mazhab ini iaitu *jabb*, *'unnah*, gila, kusta, sopak *rataq* dan *qarn*.³⁹ Ini dijelaskan oleh Imam Taqy al-Dīn Abū Bakr ibn Muḥammad al-Ḥusaynī di dalam kitabnya:⁴⁰

وَتَرَدَّ الْمَرْأَةُ بِخَمْسَةِ عَيُوبٍ : بِالْجُنُونِ وَالْجَذَامِ وَالْبَرْصِ وَالرَّتْقِ وَالْقَرْنِ وَيَرْدِ
الرَّجُلُ أَيْضًا بِخَمْسَةِ عَيُوبٍ : بِالْجُنُونِ وَالْجَذَامِ وَالْبَرْصِ وَالْجَبِ وَالْعَنَةِ

Maksudnya: Dikembalikan perempuan itu dengan lima sebab keaiban iaitu dengan sebab gila, kusta, sopak, tertutup alat kelamin dengan daging dan terhalang dengan tumbuhnya tulang dalam faraj. Manakala

³⁹Ibid., h. 517

⁴⁰Taqy al-Dīn Abū Bakr ibn Muḥammad al-Ḥusaynī (1991). *Kifāyah al-Akhyār fī Ḥall Ghāyah al-Khiyār*. Beirut: Dār al-Khayr, h. 366.

dikembalikan seorang lelaki juga dengan lima kecacatan iaitu gila, sopak, kusta, terpotong zakar dan mati pucuk (lemah).

Mazhab Ḥanbalī

Keharusan tuntutan fasakh kerana keaiban dalam mazhab Ḥanbalī ialah terhadap semua kecacatan yang menghalang berlakunya hubungan yang harmoni iaitu terdiri daripada kecacatan alat kelamin jasmani dan penyakit gila, sopak, kusta dan seumpamanya berdasarkan penderitaan yang pernah dialami oleh mereka yang pernah dijangkiti.

Kecacatan yang tidak menghalang persetubuhan, kecacatan kecil serta sebarang penyakit yang tidak membahayakan dan ada harapan untuk sembuh dalam masa terdekat tidak diharuskan fasakh.

Dalam mazhab ini terdapat lapan keaiban yang harus dibuat tuntutan fasakh iaitu:⁴¹

- Kecacatan pada lelaki ialah terpotong zakar (الجب) dan mati pucuk (العنة).
- Manakala kecacatan pada perempuan pula ialah *al-'afal* (العفل), *al-qarn* (القرن) dan *al-rataq* (الرثق).
- Kecacatan yang mungkin ada pada kedua-dua pasangan iaitu gila, sopak, dan kusta.

Kesimpulan daripada perbahasan fuqaha' di atas, secara prinsipnya mereka mengharuskan isteri memohon pembubaran perkahwinan sekiranya segala

⁴¹ al-Zuhaylī (1989), op cit., h. 519.

keibaian atau penyakit yang dialami oleh suami boleh menjasakan perhubungan jenis atau boleh berjangkit kepada isteri dan juga janin.

2.4.2. Pembubaran Perkahwinan Kerana Tidak Memberi Nafkah

Nafkah perbelanjaan yang dimaksudkan menurut fiqh Islam ialah perkara-perkara wajib ke atas suami untuk keperluan isteri dan khadamnya atau pun sebagai bapa terhadap anaknya dan sebaliknya atau pemilik terhadap benda yang dimilikinya.⁴²

Nafkah merupakan kewajipan yang perlu ditunaikan oleh suami kepada isterinya. Kegagalan dan keengganan untuk menunaikan tanggungjawab merupakan satu pelanggaran amanah yang telah ditetapkan. Nafkah yang perlu dilaksanakan ialah nafkah makan minum secukupnya, pakaian yang sempurna dan tempat tinggal yang sesuai untuk didiami. Semua perkara ini adalah kewajipan dan tanggungjawab seorang suami.

Oleh kerana Islam amat menitikberatkan kewajipan tersebut. Kegagalan untuk melaksanakannya boleh mengharuskan fasakh. Ini bertujuan untuk mengelakkan kemudarat yang lebih besar sebagaimana dinyatakan dalam hadis rasulullah s. 'a.w. yang berbunyi :

عَنْ أَبِي عَبْدِ الرَّحْمَنِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ لَا ضَرَرَ وَلَا ضَرَرٌ

Ertinya: Daripada ibn 'Abbas r.'a. berkata: Sabda rasulullah s. 'a.w. : Tidak boleh memudaratkan dan tidak boleh melakukan tindakbalas dengan kemudarat.⁴³

⁴²Dr. Harun Din (t.t), *Manusia Dan Islam*, c. 3, Selangor: Percetakan Watan Sdn. Bhd., h. 563

⁴³Syīḥā (1996), op.cit.

Dalil diwajibkan nafkah ialah :

لَيْسَقُ دُوْسَعَةٍ مِنْ سَعَيْهُ وَمَنْ فَدِرَ عَلَيْهِ رِزْقُهُ فَلَيْنِفِقْ مَمَّا
عَانَهُ اللَّهُ لَا يَكْبِلُ اللَّهُ نَعْشَى إِلَّا مَا عَانَهَا سَيِّجَعْلُ اللَّهُ بَعْدَ غَسِيرٍ نَسْرًا

Surah al-Talāq (65): 7.

Ertinya: Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya; dan sesiapa yang di sempitkan rezekinya, maka hendaklah ia memberi nafkah dari apa yang diberikan Allah kepadanya (sekadar yang mampu); Allah tidak memberati seseorang melainkan (sekadar kemampuan) yang diberikan Allah kepadanya. (Orang-orang yang dalam kesempitan hendaklah ingat bahawa) Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan.

Allah berfirman dalam ayat yang lain yang berbunyi :

قَدْ عَلِمْتَنَا مَا فَرَضْنَا عَلَيْهِمْ فِتْ أَذْوَاجِهِمْ وَمَا مَنَّكْ أَيْمَدْهُمْ

Surah al-Aḥzāb (33): 50.

Ertinya: Kami telah mengetahui apa yang Kami wajibkan kepada orang-orang mukmin mengenai isteri-isteri mereka dan hamba-hamba perempuan yang mereka miliki.

Firman Allah yang berbunyi :

وَعَلَى الْمَوْلَودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكَشْوَنَهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ

Surah al-Baqarah (2): 233.

Ertinya: Dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya.

Telah sepakat di kalangan fuqaha', suami berkewajipan membayar nafkah terhadap isterinya melainkan ia melakukan penderhakaan untuk memberi pengajaran terhadap tindakan *nusyūn*nya.⁴⁴ Para fuqaha' mempunyai dua pendapat

⁴⁴Muwaṭṭaq al-Dīn Abū Muḥammad ‘Abd Allāh ibn Alḥamad ibn Muḥammad ibn Qudāmah (1994), *al-Muḡnī wa al-Syarḥ al-Kabīr*, j. 9, Beirut: Dār al-Fikr, h. 296.

yang berbeza.⁴⁵ Mengikut mazhab Ḥanafī bahawa tidak harus bagi isteri memohon fasakh iaitu wajib atas isteri bersabar sehingga suaminya memberikan nafkah kepadanya. Manakala jumhur fuqaha' iaitu fuqaha'-mazhab Mālikī, Syāfi'i dan Ḥanbalī berpendapat bahawa isteri boleh memohon fasakh terhadap suami yang tidak memberi nafkah. Berikut adalah huraian perbahasan di kalangan fuqaha':

Mazhab Ḥanafī

Mengikut mazhab Ḥanafī, adalah tidak harus bagi isteri memohon fasakh kerana suami tidak memberi nafkah samada dalam keadaan susah (tidak mampu) atau pun senang (mampu).⁴⁶ Ini berdasarkan alasan-alasan berikut :

- i) Firman Allah s.w.t yang berbunyi:

لَيْسَقُ دُوْسَعَةٍ مِّنْ سَعَتِهِ وَمَنْ قُدِرَ عَلَيْهِ رِزْقُهُ فَلَيْسَقُ بِمَا
عَاقَهُ اللَّهُ لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا مَا أَعْنَاهَا سَيِّجَعَلُ اللَّهُ بَعْدَ عُسْرٍ يُسْرًا .

Surah al-Ṭalāq (65): 7.

Ertinya: Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya; dan sesiapa yang di sempitkan rezekinya, maka hendaklah ia memberi nafkah dari apa yang diberikan Allah kepadanya (sekadar yang mampu); Allah tidak memberati seseorang melainkan (sekadar kemampuan) yang diberikan Allah kepadanya. (Orang-orang yang dalam kesempitan hendaklah ingat bahawa) Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan.

⁴⁵ Lihat al-Imām al-Qādī Abū al-Wafā Muḥammad ibn Aḥmad ibn Muḥammad ibn Rusyd al-Qurṭubī al-Andalusī (1996), *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtayid*, j. 4, Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, h. 305. Ibn Qudāmah (1994), op cit., hh. 248-249. al-Zuhaylī (1989), op cit., hh. 512-513. Dr. Muḥammad 'Uqlah (1990), op.cit., hh. 211-215. Dr. Badrān Abū al-'Aynayn Badrān (1967), *al-Zawāj wa al-Ṭalāq fi al-Islām*, op.cit., h. 436. Dr. Badrān Abū al-'Aynayn Badrān (1974), *al-Zawāj wa al-Ṭalāq fi al-Syarī'ah al-Islāmiyyah wa al-Qānūn*, op.cit. Al-Imām Muḥammad Abū Zahrah (1957), *al-Āhwāl al-Syakhsiyah*, c. 3. T.T.P. Dār al-Fikr al-'Arabi, hh. 405-414.

⁴⁶ al-Zuhaylī (1989), op cit., h. 512.

Daripada ayat di atas Allah tidak memberi beban kepada seseorang yang tidak berkemampuan untuk membayar nafkah kerana kesempitan (kesusahan). Allah menyuruh bagi mereka yang berkemampuan dan berkelapangan untuk membayar nafkah kerana melaksanakan tuntutan kewajipan nafkah. Maka tidak wajib bagi suami menunaikan nafkah sekiranya ia di dalam kesempitan dan kesusahan. Kesempitan dan kesusahan itu menghalang si isteri memohon fasakh⁴⁷

Dalam firman Allah s.w.t. yang berbunyi:

وَإِنْ كَانَ ذُو عُسْرَةٍ فَنَظِرْهُ إِلَى مَيْسَرَةٍ

Surah al-Baqarah (2): 280.

Ertinya: Dan jika orang yang berhutang itu sedang mengalami kesempitan hidup, maka berilah tempoh sehingga ia lapang hidupnya.

Daripada ayat di atas Allah s.w.t. memerintahkan supaya orang yang ditimpa kesusahan dan kesempitan supaya bersabar sehingga datangnya kesenangan dan kelapangan. Apabila suami dalam kesusahan isterinya juga turut mengalami kesusahan, maka dalam hal ini suami dan isteri mesti bersabar. Nafkah ini umpsama hutang, apabila dalam kesusahan maka boleh ditangguhkan sehingga suami berkelapangan dan senang untuk membayarnya. Perintah bersabar dan wajar menunggu sehingga hilang kesempitan dan kesusahan adalah antara apa yang dinyatakan di dalam ayat ini.⁴⁸

- ii) Isteri-isteri rasulullah kadang-kadang ada meminta sesuatu yang tidak dimilikinya lalu beliau mengasingkannya selama sebulan sebagai hukuman ke atas permintaan mereka. Jika sesuatu yang tidak dimiliki oleh suami, isteri berhak menerima hukuman. Maka menuntut fasakh di kala suami

⁴⁷ Abū Zahrah (1957), op cit., hh. 407-408.

⁴⁸ Dr. 'Abd al-Karīm Zaydān (1994), *al-Mufaṣṣal fī Aḥkām al-Mar'ah wa al-Bayt al-Muslim fī al-Syū'iḥ al-Islāmiyyah*, j. 8, c. 2, Beirut: Muassasah al-Risālah, hh. 472-473.

kesempitan adalah satu kezaliman. Oleh kerana itu tidak perlu diberi perhatian permohonan mereka.⁴⁹

- iii) Mengikut logik akal, mana-mana suami yang tidak berkemampuan dan enggan menunaikan nafkah kepada isteri adalah satu tindakan yang menzalimi isteri. Untuk menghalang kezaliman berbentuk tidak membayar nafkah, tindakan memohon fasakh bukanlah satu-satunya jalan penyelesaian. Terdapat banyak cara lain untuk mengatasinya.

Antaranya hakim boleh mengenakan tindakan hukum takzir dengan mengarahkan supaya harta suami yang ada dijual bagi membiayai nafkah isteri setakat mana yang telah terabai dan untuk seterusnya. Hakim juga boleh mengeluarkan perintah supaya suami tersebut ditahan dan dikurung bagi memaksa ia membayar nafkah. Tindakan tersebut boleh memberi pengajaran dan kesedaran untuk kembali menunaikan tanggungjawab yang wajib kepada isterinya dalam rumah tangga.⁵⁰

Dengan cara yang ditunjukkan oleh mazhab Ḥanafī ini, dapat menghindarkan berlakunya perkara yang dimurkai Allah s.w.t. walaupun ia suatu yang halal. Ini kerana masih ada alternatif sebagai jalan penyelesaian yang boleh diambil terhadap suami yang enggan membayar nafkah.

Di samping itu, menurut mazhab Ḥanafī perceraian fasakh itu akan menghilangkan hak suami. Sedangkan tidak memberi nafkah hanyalah satu perkara kecil iaitu dilewatkan penerimaan nafkah disebabkan kesempitan.

⁴⁹Abū Zahrāh (1957), op.cit., h. 408.

⁵⁰Ibid., h. 409

Perceraian lebih besar kemudaratannya daripada melewatkkan bayaran nafkah. Sekadar tidak membayar nafkah boleh meruntuh sebuah rumahtangga adalah tidak wajar, maka jalan yang harus diambil ialah memilih mana yang kecil kemudaratannya.⁵¹

Jumhur Fuqaha'

Jumhur fuqaha' dari kalangan mazhab Mālikī, Syāfi‘ī dan Ḥanbalī bersepakat bahawa hakim boleh menjatuhkan fasakh kepada suami yang tidak menunaikan nafkah apabila dipohon oleh isteri-isteri mereka.⁵² Keharusan ini berlaku tanpa mengira samada suami itu berkemampuan atau dalam kesusahan (kemiskinan).⁵³ Suami yang tidak membayar nafkah dan tidak menceraikan isterinya merupakan satu tindakan yang boleh menimbulkan kemudarat dan kesengsaraan kepada isteri. Bagi menghindari kemudarat itu berterusan maka fasakh adalah jalan penyelesaiannya.

- i) Isteri mempunyai hak untuk menuntut fasakh apabila suami tidak membayar nafkah berdasarkan firman Allah s.w.t. yang berbunyi:

فَإِمْسِكُوهُنْ بِعَقْرُوفٍ أَوْ شَرِحَوْهُنْ بِعَقْرُوفٍ وَلَا تُمْسِكُوهُنْ ضَرَارًا
لَتَعْتَدُوا

Surah al-Baqarah (2): 231.

Ertinya: Maka bolehlah kamu pegang mereka (rujuk) dengan cara yang baik atau lepaskan mereka dengan cara yang baik. Dan janganlah kamu pegang mereka (rujuk semula) dengan maksud memberi

⁵¹ Al-Syaikh Sayyid Sābiq (1992), *Fiqh al-Sunnah*, j. 2, T.T.P., Dār al-Fikr, h. 247

⁵² Ibid., h. 246.

⁵³ Zaydān (1994), op.cit., h. 476.

mudarat, kerana kamu hendak melakukan kezaliman (terhadap mereka).

Daripada ayat di atas dapat difahami bahawa mengahwini seseorang wanita tanpa memberi nafkah adalah satu daripada bentuk penganiayaan dalam perkahwinan terhadap isteri. Antara maksud menjaga dan memelihara isteri dengan cara yang baik ialah dengan memberi nafkah yang secukupnya. Pengabaian nafkah adalah satu kemudarat dan penganiayaan.

ii) Dalam *āthār* yang diriwayatkan oleh al-Bayhaqī yang berbunyi :

عَنْ أَبِي الزَّنَادِ قَالَ: سَأَلَتْ سَعِيدَ بْنَ الْمُسَيْبٍ عَنِ الرَّجُلِ لَا يَجِدُ مَا يَنْفَقُ عَلَى امْرَأَهُ، قَالَ: يُفَرَّقُ بَيْنَهُمَا.

Maksudnya: Daripada Abī al-Zannād katanya: Aku bertanya kepada Sa'īd ibn al-Musayyib mengenai seorang lelaki yang tiada memperolehi apa-apa yang akan dinafkahkan kepada isterinya, maka sabda baginda: hendaklah dipisahkan kedua-duanya.⁵⁴

Di dalam *āthār* di atas, suami yang tidak mampu untuk memperolehi rezeki sebagai nafkah kepada isterinya telah diarahkan oleh rasulullah ﷺ supaya dipisahkan mereka berdua. Ini menunjukkan bahawa nafkah merupakan elemen penting dalam kehidupan berumahtangga.

iii) Dalam *āthār* yang lain yang diriwayatkan oleh al-Bayhaqī :

عَنْ أَبِي عُمَرِ الْعَوْنَانِ أَنَّ عُمَرَ أَبْنَ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ كَتَبَ إِلَى أَمْرَاءِ الْأَجْنَادِ فِي رِجَالٍ غَابُوا عَنْ نِسَانِهِمْ فَأَمْرَاهُمْ أَنْ يَأْخُذُوهُمْ بَارِزَةً إِنْ يَنْفَعُوْهُمْ بِأَنْ يَطْلُقُوْهُمْ فَإِنْ طَلَقُوْهُمْ بَارِزَةً مَا حَسِبُوهُ

Maksudnya: Daripada Ibn 'Umar bahawasanya 'Umar ibn al-Khaṭṭāb r.a. menulis surat kepada panglima-panglima perangnya berkenaan ada orang di kalangan suami yang menghilangkan diri dari isteri-isteri mereka, maka beliau mengarahkan mereka membayar nafkah atau menceraikan isteri-isteri mereka. Ada di kalangan mereka memilih untuk menceraikan isterinya. Sesiapa yang menceraikan isterinya

⁵⁴ Al-Imām Abū Bakr Aḥmad ibn al-Ḥusayn ibn 'Alī al-Bayhaqī (1994), *al-Sunan al-Kubrā*, j. 7, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 773.

hendaklah mereka menghantar nafkah setakat mana yang telah mereka abaikan.⁵⁵

- iv) Daripada logik akalnya ulama' mengkiaskan suami yang tidak memberi nafkah kepada isteri sama dengan seseorang yang tidak mampu memberi makan kepada hamba atau binatang ternakannya. Di mana mereka yang tidak mampu untuk menyara hambanya atau tidak mampu memberi makan kepada ternakannya pasti ia akan berusaha menjual hamba dan ternakan itu kepada orang lain. Begitu juga dengan suami yang tidak mampu membayar nafkah maka terpaksalah ia berpisah dengan isterinya apabila dituntut. Keengganan memberi nafkah dan bercerai akan menimbulkan kemudaratan dan penganiayaan kepada isteri.⁵⁶
- v) Daripada logik akal perceraian fasakh kerana tidak membayar nafkah wajar kerana ia lebih besar kemudaratan kepada isteri daripada ketidakupayaan menyempurnakan tuntutan nafkah batin.⁵⁷ Seorang isteri yang tidak mendapat layanan seks suami lebih mudah bersabar daripada tidak mendapat nafkah zahir. Nafkah termasuk makanan dan minuman adalah keperluan setiap insan. Begitu juga dengan keperluan pakaian dan tempat tinggalnya.

Sebagai penjelasan tambahan, Imam Taqy al-Dīn Abū Bakr ibn Muḥammad al-Ḥusaynī menyatakan:⁵⁸

⁵⁵Ibid

⁵⁶Lihat al-Zuḥaylī (1989), op.cit., h '513

⁵⁷Lihat ibid. Zaydān (1994), op.cit., h 478. Dr. Muḥammad 'Uqlah (1990), op.cit., h. 214.

⁵⁸al-Ḥusaynī (1991), op.cit., h 444.

وَإِنْ أَصْرَرْتُمْ عَلَيْهَا فَلَا يُفْسِدُنَّ

Maksudnya: Dan jika suami menyempitkan nafkah (perbelanjaan) isterinya maka bolehlah isterinya menuntut fasakh.

2.4.3. Pembubaran Perkahwinan Kerana Ghaib (Hilang)

Suami yang hilang dalam konteks perkahwinan ini bermaksud seseorang yang hilang dari kawasan tempat tinggalnya, terputus segala berita dengannya, tidak diketahui tempat tinggalnya serta tidak diketahui samada ia masih hidup ataupun telah meninggal dunia. Apakah tindakan yang harus diambil oleh isteri daripada terus menunggu sehingga kepada suatu tempoh yang tiada kepastiannya. Suami yang meninggalkan isterinya dalam tempoh yang begitu lama tanpa khabar berita bermakna ia boleh mengabaikan tanggungjawab kepada isterinya. Ini termasuklah mengabaikan nafkah zahir dan batin. Adakah isteri harus memohon fasakh sebagai menuntut haknya yang telah diabaikan oleh suaminya?

Mazhab Ḥanafī

Abū Ḥanīfah berpendapat bahawa isteri tidak boleh menuntut fasakh disebabkan kehilangan suaminya walaupun kehilangannya dalam tempoh yang begitu panjang. Ini adalah kerana tiada dalil syarak bagi mengharuskan fasakh kerana ghaib.⁵⁹

Seorang isteri tidak harus memohon fasakh apabila suami hilang samada kerana keuzuran atau tidak.⁶⁰ Mereka juga berasaskan tidak boleh

⁵⁹ al-Zuḥaylī (1989), op.cit., hh. 532-533.

⁶⁰ Dr. Muḥammad ‘Uqlah (1990), op.cit., h. 223.

mendahulukan sesuatu yang masih dalam kesamaran bagi membuat keputusan. Dalam hal ini perkara yang masih samar ialah kematian manakala perkara yang pasti ialah adanya ikatan perkahwinan. Ini bermakna ikatan perkahwinan dipertahankan kerana asalnya ia wujud dan diyakini dengan pasti. Sedangkan kematian perkara yang masih diragui dan masih dalam kesamaran.

Mazhab Mālikī

Dalam mazhab Mālikī seseorang isteri harus memohon fasakh apabila suaminya hilang dalam tempoh yang lama sehingga boleh memudaratkan isterinya sekiranya suaminya meninggalkan harta, isteri boleh menggunakan harta tersebut untuk menyara nafkah semasa ketiadaannya. Kehilangan ini merupakan faktor yang boleh menimbulkan kemudaratkan yang besar kepada isteri.⁶¹ Setiap kemudaratkan hendaklah dihindarkan sebagaimana dinyatakan oleh rasulullah s.'a.w. yang berbunyi:

لَا ضرر وَ لَا ضرَارٌ

Maksudnya: Tidak boleh memudaratkan dan tidak boleh melakukan tindakbalas dengan kemudaratkan.

Mazhab ini berpegang dengan tindakan ‘Umar ibn al-Khaṭṭāb r.’a. yang menulis surat kepada golongan lelaki yang menghilangkan diri daripada isteri-isteri mereka dengan mengarahkan mereka memberi nafkah atau menceraikan mereka.⁶²

⁶¹ al-Zuḥaylī (1989), op.cit., h. 533.

⁶² Ibid.

Daripada riwayat di atas, isteri berhak menuntut fasakh apabila suaminya hilang dalam tempoh yang panjang. Ini kerana semasa ketiadaan suami di sisinya telah menimbulkan dua kemudarat. Kemudarat yang pertama ialah ketiadaan nafkah makan minum kepada isteri dan kemudarat kedua ialah tiadanya nafkah batin daripada suami. Dengan gabungan dua kemudarat ini telah mengharuskan isteri memohon fasakh. Suami semasa hilang mengabaikan dua kewajipan sekaligus iaitu nafkah batin dan nafkah zahir iaitu makan minum, pakaian dan tempat tinggal.

Mazhab ini tidak membezakan samada kehilangan suami disebabkan keuzuran seperti menjalankan urusan perniagaan, menuntut ilmu atau hilang tanpa keuzuran.

Mazhab Mālikī mensyaratkan bagi mengharuskan isteri memohon fasakh kerana kehilangan suami dengan beberapa syarat iaitu:⁶³

- i) Suami hilang dalam tempoh masa yang panjang, kadar setahun atau lebih. Imam al-Dusūqī menyatakan tidak boleh dipisahkan mereka apabila suami yang hilang tidak mensetubuhinya melainkan apabila kehilangannya dalam tempoh yang panjang seperti setahun atau lebih.
- ii) Ditakuti isteri terjerumus dalam perzinaan. Apabila isteri merasakan dirinya boleh terjerumus dalam perzinaan ketika suaminya tiada dalam tempoh yang panjang, maka ia boleh memohon fasakh supaya ia dapat berkahwin lain. Dengan cara ini dapat menyelamatkan dan mengelakkan isteri daripada berzina.

⁶³ Lihat Zaydān (1994), op cit., h. 463.

- iii) Diutus surat atau diiklankan kepada umum. Sebagai usaha untuk memanggilnya kembali, pelbagai cara boleh dilakukan seperti menulis surat samada ia hendak kembali atau menceraikan isterinya. Apabila tiada jawapan balas maka hakim boleh menjatuhkan cerai fasakh setelah dipersetujui oleh isteri. Begitu juga bagi yang tidak diketahui tempat tinggalnya maka boleh dibuat iklan dengan maklumat berkaitan dalam tempoh tertentu sekiranya tiada maklum balas maka bolehlah dipisahkan kedua-duanya.

Mazhab Syāfi‘ī

Imam al-Syāfi‘ī mempunyai pandangan yang sama dengan Imam Mālik pada pendapat lamanya iaitu isteri boleh memohon fasakh setelah suami hilang melebihi empat tahun iaitu bersandarkan riwayat daripada ‘Umar ibn al-Khaṭṭāb r. ‘a.⁶⁴

Dalam pendapat terkemudian⁶⁵ Imam al-Syāfi‘ī berpendapat apabila isteri kehilangan suami di dalam musafir atau lain-lain dan terputus khabar beritanya, isteri tidak boleh bernikah lain sehingga diyakini kematiannya atau telah ada lafaz talak daripada mulut suaminya kerana pernikahan adalah perkara yang dimaklumi kewujudannya dengan yakin manakala kematian adalah satu perkara yang syak. Tidak boleh menghukum sesuatu yang diyakini dengan sesuatu yang masih dalam kesamaran. Sebagaimana dalam kaedah fiqh yang berbunyi:

⁶⁴Lihat al-Imām Abū al-Hasan ‘Alī ibn Muḥammad ibn Ḥabīb al-Māwardī (1994), *al-Ḥāwī al-Kebīr*, j. 14, Beirut: Dār al-Fikr, h. 365.

⁶⁵Lihat ibid., h. 366.

لِيْقَنْ لَا يَرَالْ بَالْشَكْ

Maksudnya: Keyakinan tidak boleh dihilangkan dengan syak.

Perkara ini juga berpandukan kepada kaedah usul fiqh iaitu *istiṣḥāh al-ḥāl* yang bermaksud menghukum sesuatu mengikut hukum asal melainkan datangnya sesuatu yang diyakini membatalkan hukum yang asal itu. Ini bermakna ikatan perkahwinan adalah hukum asal sekiranya ada berita kematian atau lafaz talak maka ia adalah hukum baru yang membatalkan hukum yang asal. Pendapat barunya ini adalah pendapat yang rajih (sahih).⁶⁶

Mazhab Hanbalī

Dalam mazhab Hanbalī diharuskan mana-mana isteri yang kehilangan suami memohon fasakh setelah menunggu selama enam bulan selepas kehilangannya.⁶⁷ Ini kerana semasa ketiadaannya, suami tidak memberi nafkah zahir dan batin. Disyaratkan kehilangan itu bukan kerana keuzuran seperti menuntut ilmu atau pun berniaga.

Dalam keadaan lain sekiranya seseorang isteri tidak mahu memohon fasakh, hakim mengisyiharkan kematian suaminya apabila ia telah hilang melebihi empat tahun di tempat-tempat yang dikhuatiri akan membawa maut seperti karam di lautan, hilang di medan pertempuran dan sebagainya. Dalam mazhab Ahmad yang zahir daripadanya bahawa bagi isteri menunggu selama empat tahun selama-lama

⁶⁶Lihat Zaydān (1994), op.cit., h. 445. Lihat ibn Qudāmah (1994), op.cit., h. 132.

⁶⁷Lihat ibn Qudāmah (1994), op.cit., h. 132.

tempoh hamil kemudian ber*'iddah* dengan *'iddah* wafat selama empat bulan sepuluh hari dan setelah itu harus baginya berkahwin.⁶⁸

Dapatlah difahami, bahawa seorang isteri boleh bertahan zahir dan batin apabila ditinggalkan suaminya selama enam bulan sahaja. Sekiranya ia tidak dipisahkan maka akan menimbulkan kemudaratan kepada isteri samada zahir dan batin.

Isteri mempunyai hak untuk menuntut fasakh apabila suami hilang dalam tempoh yang lama. Apabila kehilangan suami kerana keuzuran juga dalam tempoh yang panjang juga akan menimbulkan kemudaratan kepada isteri. Adalah wajar keharusan fasakh kerana kehilangan mengakibatkan pengabaian tanggungjawab zahir dan batin.

Daripada pandangan-pandangan mazhab yang dikemukakan, pada pandangan penulis, pendapat dari kalangan ulama' Mālikī, al-Syāfi'ī pada pendapat lamanya dan Ḥanbalī adalah lebih sesuai dan menjaga kemaslahatan serta untuk mengelak kemudaratan. Kewajipan suami ialah menyempurnakan segala kewajipan rumahtangga serta membentuknya secara *ma'rūf*. Tindakan menghilangkan diri daripada isteri boleh menimbulkan kemudaratan dan penganiayaan dari segi fizikal dan mental. Keharusan fasakh untuk mengelakkan timbulnya kemudaratan sekiranya ia berlarutan.

⁶⁸Ibid. h. 133.

2.4.4. Pembubaran Perkahwinan Kerana Dipenjarakan

Suami yang dipenjarakan bermaksud suami yang telah ditahan di dalam kurungan atau penjara yang menyebabkan terputus hubungan dengan isteri. Malah segala tanggungjawab tidak dapat dilaksanakan termasuk nafkah zahir dan batin. Biasanya sebab-sebab ditahan atau dipenjara kerana kesalahan jenayah atau pun tawanan perang dan tindakan itu memakan masa yang panjang.

Di sini timbul persoalan adakah isteri berhak untuk memohon fasakh sekiranya suaminya dipenjarakan? Olch kerana suami tidak dapat menunaikan hak-hak isteri dalam tempoh yang begitu panjang samalah keadaannya dengan suami yang hilang.

Bagi mazhab Ḥanafī, Syāfi‘ī dan Ḥanbalī, seorang isteri tidak harus memohon fasakh apabila suami dipenjara kerana tiada dalil syarak yang membolehkan demikian.⁶⁹ Di sini suami bukan enggan menunaikan kewajipan tetapi terpaksa ditahan yang menyebabkan ia berpisah dengan isteri. Maka paksaan itu merupakan satu keuzuran. Mana mungkin suami yang dipenjarakan menunaikan tuntutan nafkah zahir dan batin. Sekiranya ia tidak ditahan, besar kemungkinan ia akan menunaikan segala kewajipannya.

Oleh itu dalam perkara ini, isteri tidak harus menuntut fasakh walaupun ia mempunyai alasan suami tidak membayar nafkah zahir atau batin. Ini kerana suami dalam keadaan yang ada keuzuran bagi melaksanakan kewajipan tersebut. Bahkan ia bukan sesuatu yang disengajakan.

⁶⁹ al-Zuhaylī (1989), op.cit., h. 535.

Manakala dalam mazhab Mālikī isteri mempunyai hak untuk menuntut fasakh apabila dipenjarakan melebihi setahun.⁷⁰ Isteri boleh memohon fasakh apabila telah berlalu tempoh satu tahun suami dipenjarakan kerana setiap kehilangan samada dipenjara atau hilang yang tidak diketahui hidup atau matinya, isteri boleh memohon fasakh tanpa mengira samada ia satu keuzuran atau tidak. Sekalipun suami mampu memberi nafkah zahir kerana ia mempunyai harta.⁷¹

Hakim boleh melaksanakan tuntutan fasakh dengan syarat suami telah menjalani hukuman selama setahun atau lebih. Hakim boleh memutuskan hukuman tanpa menunggu atau memberitahu terlebih dahulu kepada suami.⁷² Samalah keadaannya dengan suami yang hilang kerana orang yang dipenjarakan tidak boleh berbuat apa-apa untuk melepaskan dirinya.

Daripada pandangan-pandangan mazhab yang dikemukakan, pada pandangan penulis, pendapat mazhab Maliki adalah lebih sesuai dan menjaga kemaslahatan serta mengelak kemudarat. Perpisahan antara suami dan isteri yang melebihi setahun adalah dianggap boleh menimbulkan kemudarat terhadap isteri dan bagi mengelak perkara yang tidak diingini berlaku terhadap fizikal, mental dan seksual.

2.4.5. Pembubaran Perkahwinan Kerana Penganiayaan

Penganiayaan bermaksud sebarang perlakuan yang mendatangkan mudarat bukan sahaja dalam bentuk fizikal tetapi dalam apa jua bentuk atau teknik yang

⁷⁰Ibid.

⁷¹Zaydān (1994), op.cit., h 466.

⁷²al-Zuhaylī (1991), op.cit.

boleh menyebabkan gangguan mental dan emosi mangsa yang terlibat. Melalui pengertian di atas, apa-apa sahaja perlakuan yang mendatangkan kemudaratan dan bahaya kepada mangsa adalah satu penganiayaan. Kemudaratan itu boleh berlaku apabila hak-hak individu dalam rumah tangga dicerobohi samada dalam bentuk fizikal, mental dan seksual. Kemudaratan yang dimaksudkan ialah lima perkara yang dilindungi oleh syarak iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Sekiranya berlaku pencerobohan terhadap lima perkara tadi isteri ada alasan untuk memohon fasakh.

Sebagai contoh kemudaratan dari segi agama ialah suami menghalang isteri daripada melaksanakan kewajipan dan perintah agama yang wajib seperti sembahyang lima waktu dan puasa Ramadhan atau menyuruh melakukan perkara yang boleh merosakkan aqidah atau syirik kepada Allah. Bagi kemudaratan kepada nyawa ialah tindakan suami yang boleh membahayakan nyawa isteri dan menimbulkan kecederaan pada badan seperti mendera dengan senjata tajam, memukul dan sebagainya.

Bagi kemudaratan kepada maruah ialah tindakan suami memaksa isteri berzina dengan orang lain samada menjadi pelacur atau hidup dalam kancang maksiat dan sebagainya. Bagi kemudaratan akal pula ialah suami mengajak dan memaksa isteri meminum arak atau penagihan dadah atau apa-apa cara yang boleh mengganggu kestabilan dan kewarasannya akal fikiran. Penganiayaan terhadap harta pula ialah suami mengambil atau merampas harta milik isteri untuk tujuan sendiri bukan untuk keluarga tetapi untuk berfoya-foya, berjudi yang akan melupuskan harta itu dari tangan isteri.

Dengan kata lain suami sering menyakiti isterinya dengan perkataan atau perbuatan seperti memukul, mendera, menghina keturunan, membawa isteri ke tempat maksiat dan sebagainya.

Islam melarang keras tindakan luar batasan lebih-lebih lagi di dalam rumah tangga. Tindakan memukul hendaklah dilakukan dengan tujuan mendidik bukan mendera. Al-Quran mengingatkan supaya jalinan hubungan yang baik di dalam rumah tangga bagi membentuk keluarga yang harmoni. Seruan ini disampaikan melalui firman Allah s.w.t. yang berbunyi :

وَغَيْرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ فَإِنْ كَرِهْتُمُوهُنَّ فَعَسَىٰ
تَكُرِهُوْأَغْنِيَةً وَتَجْعَلُ اللَّهَ فِيهِ خَيْرًا كَثِيرًا

Surah al-Nisā' (4): 19.

Ertinya: Dan bergaulah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu itu) dengan cara yang baik. Kemudian jika kamu (merasai) benci kepada mereka (disebabkan tingkah-lakunya, janganlah kamu terburu-buru menceraikannya), kerana boleh jadi kamu bencikan sesuatu, sedang Allah hendak menjadikan pada apa yang kamu benci itu kebaikan yang banyak (untuk kamu).

Suami dilarang memukul dan menampar muka isteri kerana ia adalah tempat kecantikan. Tanggungjawab memberi nafkah termasuk makan minum dan pakaian dan bergaul dengan cara yang baik. Semua perkara tersebut adalah kewajipan suami yang perlu dipenuhi. Namun suami ditegah sama sekali memaki hamun isteri, menghina dan memulaukan isteri melainkan di dalam rumah.

Pandangan fuqaha' berhubung dengan pembubaran perkahwinan kerana penganiayaan terbahagi kepada dua iaitu pandangan yang mengharuskannya dan sebaliknya.

Jumhur fuqaha'

Jumhur fuqaha' yang terdiri daripada Ḥanafī, al-Syāfi‘ī dan Ḥanbalī menyatakan bahawa penganiayaan bukanlah satu perkara yang mengharuskan isteri memohon fasakh dengan alasan untuk menghindarkan kemudaratannya tersebut. Isteri boleh mengambil jalan lain selain daripada menuntut cerai fasakh.⁷³

Apabila perkara ini dikemukakan kepada mahkamah, hakim boleh mengeluarkan perintah supaya suami berkelakuan baik dan menghalangnya daripada terus melakukan penganiayaan terhadap isteri. Sekiranya ia masih berlarutan, mahkamah boleh mengatasinya dengan melantik pemerhati yang memerhati dan mengawasi tingkah lakunya. Hakim juga boleh memenjarakannya bagi memberi pengajaran dan meninggalkan tabiat buruknya. Apa juga bentuk takzir boleh dilaksanakan asalkan ia memberi kesan dan kesedaran kepada suami untuk berkelakuan baik dan meninggalkan sikap ganas dan tidak bertanggungjawab.

Allah s.w.t. memerintahkan apabila berlaku perbalahan dan perselisihan hendaklah dilantik dua orang pendamai dari kedua-dua belah pihak. Tujuannya bagi mengenal pasti masalah sebenar serta mencari jalan untuk memperbaiki hubungan mereka. Sekiranya mereka ada potensi untuk berbaik-baik semula, maka peranan pendamai untuk mengeratkan hubungan mereka semula. Sekiranya perkara tersebut tidak ada jalan penyelesaian maka pendamai boleh menyerahkan kes tersebut kepada mahkamah untuk dipertimbangkan jalan seterusnya.

⁷³Ibid, h. 527.

Ini bermakna isteri tidak boleh memohon fasakh kepada mahkamah sekiranya suaminya selalu menimbulkan kesakitan dan ketakutan akibat daripada tindakan suaminya. Jalan yang wajar diambil oleh hakim ialah mencari jalan supaya suami tersebut meninggalkan perlakuan ganasnya dengan cara nasihat atau apa-apa tindakan yang wajar atau suami sendiri secara sukarela mentalakkan isterinya.

Mazhab Mālikī

Mazhab ini mengharuskan fasakh kerana penganiayaan kerana ia dapat menghalang berlakunya penindasan dan tidak mahu perkahwinan itu menjadi kehidupan yang menimbulkan bala dan bencana kepada si isteri.⁷⁴ Bersandarkan kepada sabda rasulullah ﷺ yang berbunyi :

لَا ضرر و لَا ضرار

Maksudnya: Tidak boleh memudaratkan dan tidak boleh melakukan tindakbalas dengan kemudaratian.

Berdasarkan hadis ini, segala bentuk keganasan, kemudaratian dan penganiayaan hendaklah dihindarkan dalam kehidupan lebih-lebih lagi dalam rumah tangga. Ini bersesuaian dengan kaedah fiqh yang berbunyi :

الضرر يزال

Maksudnya: Sebarang kemudaratian hendaklah dihindarkan.

Kemudaratian yang timbul oleh suami dalam rumah tangga boleh dihindari dengan memisahkan mereka berdua kerana pada logik akal mereka seolah-olah tiada perasaan kasih mengasihi, sayang menyayangi, malah boleh timbul perasaan

⁷⁴Ibid

dendam mendendami. Jalan yang terbaik ialah memisahkan mereka kerana sudah hilangnya rasa hormat menghormati dan semangat kasih mengasihi.

Apabila berlaku demikian, suami bertindak ganas sehingga memudaratkan isteri dan isteri boleh membuat tuntutan fasakh dan hakim boleh memanggil suami untuk dinasihat terlebih dahulu. Jika suami masih bersikap sedemikian maka hakim boleh melantik pendamai bagi mendamaikan mereka. Sekiranya sukar untuk dibaiki dan didamaikan, maka hakim boleh memutuskan hukuman fasakh perkahwinan mereka berdua.

ULASAN

Daripada perbahasan di atas dapat dilihat bahawa terdapat perselisihan di kalangan ulama berhubung pembubaran perkahwinan kerana keaiban, tidak memberi nafkah, suami hilang, suami dipenjarakan dan penganiayaan. Sebahagian mereka mengharuskannya dan sebahagian tidak mengharuskannya. Mazhab Mālikī mengharuskan pembubaran perkahwinan kerana kesemua bentuk yang disebut di atas. Mazhab Ḥanafī hanya mengharuskan pembubaran perkahwinan kerana keaiban sahaja. Mazhab Syāfi‘ī mengharuskan pembubaran perkahwinan kerana keaiban, tidak memberi nafkah dan suami hilang mengikut pendapatnya yang lama. Manakala mazhab Ḥanbalī pula mengharuskan pembubaran perkahwinan kerana keaiban, tidak memberi nafkah dan suami hilang.

Dalam suasana hari ini, wajar kita mengambil pandangan mazhab Mālikī kerana ingin menjaga kemaslahatan bagi menghindarkan sebarang kemudaratian. Melalui keharusan fasakh yang dinyatakan, sekurang-kurangnya isteri mempunyai

ikhtiar untuk mencari jalan penyelesaian dalam menghadapi masalah rumahtangga.

Melalui cara ini kemudaratan dapat dihindarkan dan permusuhan dapat dipadamkan. Fasakh merupakan jalan penyelesaian bagi isteri untuk membina hidup baru yang lebih baik setelah mengalami kegagalan. Sebarang kemudaratan hendaklah dihindarkan.

2.5. Kesimpulan

Darar merupakan asas utama untuk memohon fasakh. Ini adalah asas yang sentiasa dilindungi bagi mengiktiraf hak seseorang. *Darar* mempunyai makna yang luas dalam semua bentuk kemudaratan samada kemudaratan pada agama, nyawa, tubuh badan, akal fikiran, maruah dan harta benda. Semua perkara ini dilindungi oleh syarak dan semua orang berhak mempertahankan hak tersebut bila dicerobohi oleh orang lain. Dalam konteks rumahtangga, apabila suami mengganggu lima perkara yang dilindungi maka isteri berhak mempertahankan hak melalui permohonan fasakh. Tujuannya adalah untuk menghindarkan kemudaratan dan membawa kebaikan dalam kehidupan rumahtangga.

Ini bermakna jika seseorang itu sengaja tidak memberi nafkah dan seumpamanya, maka perbuatan itu adalah sebagai *darar*. Yang demikian itu, *darar* telah berlaku apabila hak-hak individu dalam satu-satu rumahtangga telah dicabuli, diderai dan disakiti samada ia berbentuk fizikal, jiwa, mental (emosi) dan seksual.⁷⁵

⁷⁵Raihanah Abdullah (1997), op. cit.